

AKHBAR : SABAH MEDIA
TARIKH : 21 OKTOBER 2021
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE
HARI : KHAMIS

SABAH MEDIA
the voice of sabah

LATEST NEWS RM1.2 juta Bantuan BUDI Isteri KM Saksi Penyerahan Portable Ultrasound Machine Untuk Pengesanan Awal Kanser Perkongsian Pintar Mampu Sel Bekalan Air Luar Bandar

UTAMA EKONOMI POLITIK ISU TEMPATAN GAYA HIDUP LUAR NEGARA PENDAPAT GALERI FOTO SUKAN

PROGRAM JELAJAH SIMPAN SSPN 2021
SUMBANGAN ZAKAT PTPTN
AKAUN SIMPAN

RM 80,000

UTAMA

Kerajaan Proaktif Pastikan Rakyat Terima Bantuan

KOTA KINABALU: Kerajaan Negeri Gabungan Rakyat Sabah (GRS) sentiasa mengambil berat dan proaktif dalam memastikan rakyat negeri ini menerima bantuan daripada pelbagai pihak, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor.

Beliau mengambil contoh agensi pendidikan utama negara-Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berperanan membantu pelajar yang memerlukan, khususnya mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Katanya, PTPTN telah mengambil pelbagai langkah dan inisiatif untuk membantu para pelajar bagi meringankan beban kewangan mereka.

Antaranya menerusi Program PTPTN Prihatin: Jelajah Simpan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) 2021 sempena Bulan Menabung Simpanan SSPN (BMS) 2021 bagi membantu meringankan beban golongan pelajar asnaf menerusi Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan zakat korporat.

“Saya berharap melalui usaha yang diambil ini akan memanfaatkan lebih ramai pelajar pada masa akan datang bagi memastikan peluang mereka menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi terjamin”, katanya ketika menerima kunjungan hormat Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid dan rombongan di pejabatnya di Menara Kinabalu.

Hajiji turut menerima mock cek sebanyak RM80,000 untuk membantu pelajar-pelajar asnaf di Sabah daripada Ahmad Dasuki.

Seramai 800 pelajar akan menerima akaun Simpanan SSPN Prime dibawah PTPTN sebanyak RM100 setiap seorang.

Program ini merupakan kerjasama di antara Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Hajiji berharap menerusi pemberian sumbangan ini, ia akan memberi manfaat yang besar kepada pelajar di IPT dan meringankan beban kewangan mereka, disamping mampu memupuk kesedaran kepentingan menabung.

“Dengan usaha murni PTPTN dan nilai yang mereka cuba tanam dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan menabung, saya menyeru kepada semua agensi Kerajaan Negeri dan swasta di negeri Sabah ini untuk turut sama menyokong usaha, kempen dan promosi penabungan oleh PTPTN di mana-mana lokasi bersesuaian di negeri ini”, katanya.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Operasi PTPTN, Puan Mastura Mohd. Khalid, Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Haji Abidin Marjan dan Pengurus Besar PTPTN Negeri Sabah, Puan Muliati Kamaruddin.

<https://sabahmedia.com/2021/10/21/kerajaan-proaktif-pastikan-rakyat-terima-bantuan/>